

SH 27/7/2021 MS: 25

# Pendapatan lebih 1,000 nelayan terjejas



Bot para nelayan yang diletakkan di Jeti Kompleks Pendaratan Ikan Pengkalan Petah, Bachok selepas pulang dari menangkap ikan di laut.

Sukar pasarkan hasil tangkapan selain gagal turut ke laut akibat cuaca tidak menentu

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

**BACHOK**

Pendapatan lebih 1,000 nelayan di sini terjejas sehingga 70 peratus semasa perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) bagi menekan penularan pandemik Covid-19.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Bachok, Mohd Saripundin Isahak berkata, ahli yang bernaung di bawah persatuan mengharapkan kerajaan mengambil perhatian terhadap nasib yang menimpah mereka dan membantu bagi meringankan bebanan ditanggung.

Beliau berkata, nelayan mengalami kesukaran memasar-

kan hasil tangkapan ke lokasi lebih jauh selain cuaca yang tidak menentu turut membataskan pergerakan mereka di laut.

"Pergerakan di darat juga terbatas ketika PKP menyebabkan pasaran ikan sukar dipasarkan secara meluas ke kawasan yang lebih jauh."

"Tambah pula cuaca yang tidak menentu seperti ribut menyebabkan ada yang seminggu tidak dapat ke laut untuk menangkap ikan," katanya kepada pemberita di Kompleks Pendaratan Ikan Pengkalan Petah, di sini, pada Isnin.

Menurutnya, lebih memburuk keadaan apabila perairan negara didakwa diceroboh nelayan asing warga Vietnam yang mencuri hasil laut.

"Perlu penguatkuasaan tegas seperti kawalan sempadan perairan dengan menggunakan bot induk bagi mengekang pen-



**MOHD SARIPUNDIN**

cerobohan yang boleh menjadikan pendapatan nelayan tempatan.

"Elaun sara hidup nelayan sebanyak RM300 tidak mencukupi kerana ada dalam kalangan mereka yang mempunyai anak ramai dan pelbagai lagi per-

belanjaan yang perlu ditanggung untuk meneruskan kehidupan," katanya.

Seorang nelayan, Husin Jaafar 57 berkata, dia memerlukan enjin bot yang lebih berkuasa tinggi tetapi tidak berkemampuan untuk membelinya kerana pendapatan yang terjejas ketika ini.

"Sebelum ini ada nelayan yang menjalankan kerja sampingan seperti mengambil upah sebagai buruh kasar."

"Sekarang PKP, rumah sendiri pun ada yang tidak sempat siap dan terbengkalai," katanya.